

Khamis, Feb 08 2018

Sistem e-Perolehan pulih selepas 15 Februari

UTUSAN 8/2

PUTRAJAYA 7 Feb.- Sistem e-Perolehan yang menguruskan perolehan bekalan dan perkhidmatan kerajaan secara dalam talian yang menghadapi masalah kestabilan sistem akan pulih selepas 15 Februari ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz berkata, masalah yang dihadapi oleh sistem baharu yang mula dikuatkuasakan pada 1 Januari lalu itu sedang diperhalusi oleh pegawai-pegawai yang bertanggungjawab.

“Saya dimaklumkan sistem berkenaan berdepan masalah kestabilan menyebabkan mereka yang berurusan mengalami masalah untuk mengakses masuk ke laman rasminya.

“Masalah ini dijangka kembali pulih selepas 15 Februari, saya berharap para pembekal dan mereka yang berurusan dengan kerajaan bersabar,” katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas aduan beberapa pembekal di laman sosial Facebook Kementerian Kewangan berhubung masalah untuk mengakses laman web sistem e-Perolehan.

Terdahulu, Othman merangkap Penaung Kelab Bola Sepak Kementerian Kewangan (MOF FC) merasmikan majlis memperkenalkan pemain dan jersi MOF FC yang bersaing dalam Piala FAM.